

Rabu, Jun 26 2019



KUALA LUMPUR, 25 Jun -Malaysia akan mengekalkan hubungan perniagaan yang kukuh dengan China dan justeru itu tiada pelabur China akan berasa tersisih, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Beliau menyangkal dakwaan anggota Parlimen Ayer Hitam Datuk Seri Wee Ka Siong bahawa kerajaan yang dipimpin oleh Pakatan Harapan bersikap anti-China dengan menolak pelabur negara itu.

“Kenyataan Wee sangat teruk dan boleh menjejaskan ekonomi kita. Beliau menuduh kerajaan sengaja menolak pelabur China.

“Ini tidak benar. Hakikatnya, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan pemimpin pertama yang mengatakan Malaysia tidak akan mengikuti langkah Amerika Syarikat (AS) yang menyekat syarikat telekomunikasi China, Huawei malah Dr Mahathir tegas menyuarakan kita akan terus menggunakan produk Huawei sebanyak mungkin,” katanya kepada pemberita di Sidang Kemuncak Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia di sini, hari ini

menyenaraihitamkan penggunaan peralatan Huawei dalam rangkaian telekomunikasinya susulan peningkatan perang perdagangan negaranya dengan China.

Semalam, Wee, yang juga presiden MCA berkata langkah kerajaan mengkaji semula projek negara bersama China, iaitu Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Kawasan Perindustrian Kuantan Malaysia-China telah menyebabkan pelabur China menghindari Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Lim tidak menafikan negara berdepan beberapa isu dengan China sebelum ini.

“Kita mempunyai beberapa isu (sebelum ini), namun ini telah diselesaikan termasuk ECRL. Kini kita melangkah maju untuk memperkukuh lagi perdagangan dua hala dengan China demi manfaat kedua-dua negara,” katanya.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan China mencapai rekod tertinggi yang tidak pernah dicatatkan sebelum ini pada 2018, meningkat 13 peratus kepada RM443 bilion daripada RM392 bilion pada 2017.

Tahun ini merupakan ulang tahun ke-45 terbentuknya hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. --
BERNAMA